

21 Oktober 2024

Kepada Badan Atau Orang Perseorangan Yang Berkepentingan.

**Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Penilaian MSPO Bagi
KUMPULAN PERLADANGAN PKINK BERHAD**

KUMPULAN PERLADANGAN PKINK BERHAD telah melantik Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. (TRANS) untuk melaksanakan penilaian utama pensijilan Malaysian Sustainable Palm Oil untuk Rancangan **KUMPULAN PERLADANGAN PKINK BERHAD**. Penilaian akan dilaksanakan ke atas **7** ladang dan **1** kilang yang diuruskan oleh **KUMPULAN PERLADANGAN PKINK BERHAD**.

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. merancang untuk melakukan penilaian persijilan bagi **KUMPULAN PERLADANGAN PKINK BERHAD** pada 23-28.11.2024. Penilaian utama akan diadakan menurut Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) **MS 2530-3-2:2022** - General Principles for Oil Palm Plantations (more than 500 hectares)' & **MS 2530-4-1:2022** – General Principles for Palm Oil Mill'. Salinan Standard **MS 2530-3-2:2022** & **MS 2530-4-1:2022** boleh didapati daripada Jabatan Standard Malaysia melalui emel: central@jsm.gov.my. Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian MSPO.

Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

Rancangan	Alamat	Jumlah Kawasan Keseluruhan (Ha)	Rujukan GPS
Ladang Tapis	Ladang Tapis Sdn.Bhd. Lot 2863 Kg. Tg. Abdul Rahman, 17610 Kuala Balah, Jeli Kelantan	1926	E 5° 30' 36.205" W 101° 56' 4.817"
Ladang Kelasa	Jalan Jelawang, Gua Musang, 18300 Gua Musang, Kelantan	2237	N 4°54' 58.195" E 101° 57'22.358"
Ladang Subong	D29, 18300 Gua Musang, Kelantan	2993	N 4° 57' 5.8" E 101° 55' 54.8"
Ladang Kuala Balah	Lot 2863, Kg Abdul Rahman, 17610 Kuala Balah, Kelantan	1851	N 5°26' 18.2" E 101° 54' 25.516
Ladang Lubok Bongor 1	Lot 1171 Jalan Dabong, Bandar Jeli 17600 Jeli, Kelantan.	1947	N 5° 34' 44.7", E 101° 55' 06.7"
Ladang Ladang Lubok Bongor 2	Lot 1171 Jalan Dabong, Bandar Jeli 17600 Jeli, Kelantan	1484	N 5° 28' 12.4", E 101° 34' 32.5"
Ladang KPPB Paloh	PT 7151, Ladang KPPB Paloh, Jalan Aring, Relai, Chiku 18300 Gua Musang Kelantan	386.10	N 4°58'02.1072", E 102°15'32.5872"

Kilang Sawit	Alamat	Kapasiti Kilang (MT/HR)	Rujukan GPS
Kilang Sawit Tapis	PT 2381, Mukim Bunga Tanjong 17610 Kuala Balah Jeli, Kelantan	30	N 5° 30' 24.4" E 101° 56' 01.4"

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. adalah 100% Syarikat Bumiputra yang telah ditubuhkan pada tahun 2017. TRANS adalah pembekal pensijilan, kualiti pengurusan dan pensijilan produktiviti semenjak tahun 2015, TRANS telah bergiat aktif dalam bidang pengauditan dan bekerjasama dengan beberapa Badan Pensijilan lain. TRANS telah mewujudkan satu prosedur khusus bagi rungutan dan aduan, yang boleh di dapati di laman web:<https://transcert.com.my/complaint-procedure/>. Pasukan audit dari Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. yang akan melaksanakan audit penilaian di **KUMPULAN PERLADANGAN PKINK BERHAD** terdiri daripada:

- i) **En. Ermadasila Bin Mohamad** sebagai Ketua Juruaudit (Aspek Undang-Undang, Sosial dan Temuduga Stakeholder dalaman dan luaran)
- ii) **En. Azmi Bin Adnan** sebagai Juruaudit (Aspek Persekitaran dan HCV)
- iii) **En. Mohd Johari bin Md Kassim** sebagai Juruaudit (Aspek Persekitaran dan HCV)
- iv) **En. Mohamad Irwan Bin Senin** sebagai Juruaudit (Aspek Persekitaran dan HCV)
- v) **En. Asnawi Nazran Bin Mohd Zaili** sebagai Juruaudit (Aspek Persekitaran dan HCV)
- vi) **En. Yusof Khairan Nizar bin Ahmad Tarmizi** sebagai Wakil Jabatan Standard Malaysia

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Tarikh dan masa bagi perundingan pihak berkepentingan adalah seperti berikut:

Tarikh : 25.11.2024
Masa : 10.00 pagi – 12.00 tengahari
Lokasi : Group Manager PKINK HQ, KM 14, Jalan Gua Musang – Jeli 18300 Gua
Musang, Kelantan

Sekiranya pihak Tuan atau Puan tidak berkesempatan untuk menghadiri mesyuarat penilaian ini. Tuan dan Puan dijemput untuk mengirimkan email berkaitan isu yang ingin dibangkit kepada Juruaudit semasa / selepas Penilaian Malaysian Sustainable Palm Oil dijalankan.

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Perlindungan alamsekitar
- Penjagaan 'Biodiversity'
- Peluang-peluang pekerjaan
- Pendekatan pihak syarikat dalam kemajuan komuniti
- Perhubungan anda dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- 'Free, prior and informed consent' (FPIC)
- Cadangan-cadangan penambahbaikan

Pihak tuan-puan boleh mengemukakan aduan atau komen bertulis kepada pihak kami. Aduan atau komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini.

Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama:	
Alamat:	
E-mail:	
Nombor Telefon:	
Nombor Fax:	

Jika aduan atau komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

Pegawai Pengesahan (Certifier)

Atika Binti Bakar
Trans Certification & Inspection Sdn.
Bhd.
No. B30, Tingkat 1,
Jalan IM2/5, Bandar Indera Mahkota,
25200 Kuantan Pahang
Tel: +609-5751333.
Email: info@transcert.com.my

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang Benar,



Atika Binti Bakar

Pegawai Pengesahan (Certifier)

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd.